

Khamis, Mac 29 2018

Ekonomi Malaysia 2018 diunjur 5.5 - 6 peratus

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 MAC

EKONOMI Malaysia diunjur berkembang antara 5.5 hingga enam peratus tahun ini, lebih tinggi berbanding jangkaan kebanyakan penganalisis dan unjuran kerajaan sebelum ini antara lima hingga 5.5 peratus.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Muhammad Ibrahim berkata, permintaan dalam negeri masih kekal sebagai pemacu pertumbuhan dan juga disokong oleh aktiviti sektor swasta.

Katanya, pertumbuhan penggunaan swasta dijangka kekal mapan disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam guna tenaga dan pendapatan ekoran langkah-langkah kerajaan seperti pindahan tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), pengurangan cukai pendapatan individu dan bayaran khas kepada semua penjawat awam dan pesara.

Bagaimanapun jelasnya, masih wujud beberapa risiko terhadap prospek ekonomi tahun ini termasuklah ketidakpastian berhubung impak pengembalian

PROSPEK EKONOMI MALAYSIA 2018

Penggunaan swasta

Kekal **7.2%**

Pelaburan swasta

Kekal **9.1%**

Kadar pengangguran

Kekal **3.2%-3.5%**

Penggunaan awam

Naik **0.6%**

Pelaburan awam

Turun **3.2%**

Eksport kasar

Naik **8.4%**

Import kasar

Naik **8.6%**

Defisit fiskal

Sasaran **2.8%**

Inflasi
Purata antara
2.0%-3.0%

Sumber : Laporan Perkembangan Ekonomi pada 2017, Bank Negara Malaysia

dasar monetari ke paras yang wajar secara serentak merentas ekonomi utama, dasar perda-

gangan pandang ke dalam yang mengancam perdagangan antarabangsa dan risiko geopolitik yang boleh menjejaskan sentimen pasaran kewangan global.

"Secara keseluruhan, prospek ekonomi dicirikan oleh beberapa risiko daripada aspek positif. Ini termasuklah permintaan global yang lebih kukuh daripada jangkaan yang seterusnya mencecahkan prospek bagi industri berorientasikan eksport.

"Namun begitu, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk mengharungi rintangan ini sekiranya risiko pertumbuhan yang perlahan menjadi kenyataan," katanya dalam sidang akhbar pembentangan Laporan Tahunan 2017 BNM di sini hari ini.

Laporan tersebut menunjukkan dasar fiskal pada 2018 akan terus memberi tumpuan pada pengukuhan kedudukan fiskal kerajaan, di samping memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan dan lebih inklusif dengan kerajaan mengunjurkan defisit fiskal boleh mencapai 2.8 peratus tahun ini berbanding tiga peratus pada 2017.

Pada keseluruhan 2017, ringgit menambah nilai sebanyak 10.4 peratus untuk mengakhiri tahun tersebut pada RM4.0620

berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) sekali gus muncul satu daripada mata wang yang mencatat prestasi terbaik di rantau ini setelah mengalami penyusutan nilai selama empat tahun berturut-turut.

Inflasi pula diunjur lebih rendah antara dua hingga tiga peratus, bergantung kepada harga minyak mentah dan gas.

Muhammad memberitahu, Mesyuarat Jawatankuasa Monetari (MPC), akan memantau dengan teliti prospek ekonomi termasuklah impak pelarasan kadar asas semalaman pada Januari lalu dan memastikan mudah tunai sistem kewangan dalam negeri kekal mencukupi.

Mengenai jangkaan berlakunya perang dagangan antara China dan AS, beliau berkata, Malaysia mampu berdepan dengan situasi tersebut dengan mengambil kira keadaan ekonomi yang berdaya tahan.

"Mana-mana negara ekonomi terbuka pasti akan menerima kesan daripada berlakunya perang dagangan antara dua negara kuasa besar ekonomi ini tetapi dalam konteks ini, Malaysia amat bernasib baik kerana ekonomi kita adalah pelbagai dan kita lebih berdaya tahan," katanya.

UTUSAN 29/3